

15/08/2001

Pendaftaran `on-line' diyakini atasi masalah

KUALA LUMPUR, Selasa - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) disarankan supaya menggunakan sistem pendaftaran secara `on-line' dengan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada setiap pilihan raya akan datang.

Pengerusi Persatuan Kebajikan Pengundi Selangor (PKPS), Datuk Shaharuddin Awang Yahya, berkata pihaknya yakin langkah itu paling berkesan menyelesaikan masalah pengundi hantu.

Katanya, sistem yang pertama kali dijalankan pada pilihan raya kecil Likas di Sabah, baru-baru ini, dapat mempercepatkan proses pendaftaran dan pemilihan pengundi.

"Menerusi sistem itu SPR dapat memastikan hanya pemohon yang mempunyai rekod di JPN dibenarkan mengundi sekali gus mengelak wujudnya pengundi hantu.

"Oleh itu, kami menyokong penuh sistem pendaftaran berkenaan dan berharap ia dapat digunakan pada setiap pilihan raya akan datang," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Shaharuddin berkata demikian sebagai mengulas laporan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan Dewan Negara, semalam.

Kenyataan Perdana Menteri itu dibuat menerusi jawapan bertulis kepada soalan Senator Norsimah Hashim berhubung cara SPR membuat pemilihan permohonan untuk mendaftar sebagai pengundi.

Dalam perkembangan berkaitan, PKPS turut menggesa kerajaan menimbang semula cadangan SPR memperkenalkan sistem pendaftaran pemilih secara automatik untuk warganegara Malaysia yang mencapai usia 21 tahun.

Shaharuddin berpendapat cadangan itu adalah satu langkah bijak kerana dapat menggalakkan lebih ramai penyertaan pengundi muda pada setiap pilihan raya.

"Kebanyakan mereka mahu mengundi tetapi malas untuk melalui proses pendaftaran pemilih yang agak rumit dan memakan masa malah ada yang sentiasa sibuk bekerja," katanya.

Pada 19 Julai lalu, Kabinet bersetuju menolak cadangan berkenaan kerana berpendapat ia mungkin memudahkan laluan pengundi hantu sebaliknya kerajaan berhasrat memberi pengiktirafan pendaftaran pemilih yang boleh diterima semua.

Bagaimanapun, Kabinet meluluskan cadangan mengadakan pendaftaran pengundi sepanjang tahun dan sesiapa yang mendaftar layak mengundi dalam masa beberapa minggu saja, berbanding kira-kira sembilan bulan sekarang, seperti termaktub dalam cadangan pindaan kepada perkara 119 Perlembagaan Persekutuan.

(END)